

**KLCC REIT**

## Untung kasar suku ketiga susut

**Keuntungan** sebelum cukai KLCC Real Estate Investment Trust (REIT) bagi suku ketiga berakhir 30 September 2015 susut kepada RM205.201 juta daripada RM231.896 juta sebelum ini.

“Penyusutan keuntungan pra-cukai bagi suku dalam semakan adalah disebabkan hapus kira City Point, Kompleks Dayabumi bernilai RM32.2,” KLCC REIT dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia.

Bagaimanapun pendapatan meningkat kepada RM337.185 juta daripada RM332.820 juta yang dicatat sebelum ini, disumbang oleh kadar sewa lebih tinggi yang berkuat kuasa dalam tempoh semasa.